

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
[ PARIT SULONG ]**

**SOALAN:**

**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan memberi komitmen terhadap pembangunan fizikal dan moral sekolah-sekolah agama dan tahfiz di seluruh Malaysia.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk institusi pengajian pondok yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Negeri dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan

bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memberi perhatian mengenai pembangunan modal insan terutama yang melibatkan pendidikan Islam termasuk sekolah-sekolah agama dan institusi tahfiz. Sehubungan itu, selain bantuan dari Kerajaan Negeri, pada tahun 2015 institusi-institusi tersebut juga menerima bantuan dari Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebanyak RM25 juta secara *one-off* untuk diberikan kepada 119 pondok yang berdaftar dengan JAIN/MAIN bagi tujuan menyelenggara fasiliti pendidikan dalam aspek keselamatan dan persekitaran pembelajarannya. Pada tahun yang sama, Kerajaan juga melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperuntukkan sebanyak RM13,621,180.00 secara *one-off* kepada 356 buah Maahad Tahfiz.

Disamping itu, Kerajaan melalui Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) yang diurus setiakan oleh JAKIM bertindak sebagai penyelaras kepada pembangunan kurikulum pendidikan Islam termasuk aspek nilai dan moral juga turut dititikberatkan. Terdapat tiga jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seliaan LEPAI iaitu Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Kurikulum, Jawatankuasa Buku Teks dan Jawatankuasa Peperiksaan dan Pensijilan untuk mengkaji, meneliti dan menyelaras sistem dan meninggikan mutu pelajaran dan pendidikan Agama Islam di Sekolah-Sekolah Agama yang bukan di bawah kawalan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD  
[ PARIT SULONG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan secara rasional mengenai tindakan memberi kelulusan kepada pemaju perumahan yang menawarkan khidmat memberi pinjaman kepada pembeli yang dikhuatiri akan menyumbang kepada risiko kewangan "sub-prime" dan peningkatan hutang bagi isi rumah.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, polisi ini telah lama wujud dan 54 Syarikat Pemaju Perumahan telahpun diberi lesen pemberi pinjam wang untuk membiayai pinjaman sebagai 'bridging' kepada bayaran muka (deposit) pembelian rumah.

Mekanisma ini sebenarnya adalah satu daripada alternatif Kerajaan dalam membantu rakyat mendapatkan sumber pembiayaan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 [Akta 400] di bawah seliaan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Perkara ini telah di bawa ke dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri telah memutuskan untuk mengkaji dan menambahbaik polisi ini terutama dari segi:

- Keberkesanan polisi dalam membantu rakyat untuk membiayai pembelian rumah;
- Kadar faedah dan tempoh pembayaran balik supaya tidak membebankan rakyat; dan
- Garis panduan yang jelas dan mudah difahami oleh kedua-dua syarikat pemegang lesen pemberi pinjam wang dan juga peminjam.

Pihak Kementerian telah mengambil tindakan proaktif dan melihat secara keseluruhan keberkesanan fasiliti pembiayaan wang di bawah peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 [Akta 400] supaya tidak disalahgunakan oleh pemegang lesen yang tidak bertanggungjawab.

Pemberian pinjaman wang oleh pemaju perumahan bagi tujuan membayar sebahagian deposit pembelian rumah tidak akan menyumbang kepada risiko kewangan "*sub-prime*" kerana pinjaman dibuat di luar sistem perbankan dan tidak melibatkan kesan penggandaan (*multiplier effect*).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016